

19 JAN 2003

Mustapa-PAS

UMNO KELANTAN JADIKAN 2003 TAHUN KEBANGKITAN RAMPAS KELANTAN

KOTA BAHARU, 19 Jan (Bernama) -- Umno Kelantan akan menjadikan 2003 sebagai tahun kebangkitan parti itu untuk merampas kembali Kelantan daripada PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata berdasarkan kepada situasi semasa, Umno Kelantan berada dalam keadaan lebih kukuh berbanding pada 1999, tahun pilihan raya umum diadakan.

"Oleh sebab itu mereka (PAS) akan berusaha mencari pelbagai helah untuk menimbulkan keraguan kepada kebangkitan Umno...kini kebangkitan itu amat ketara sekali," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pegawai Skim Siswazah Lanjutan (SSL) di sini, hari ini.

Mustapa diminta mengulas kain rentang termasuk yang berbunyi "Ya! Perubahan telah bermula, Umno Muda lawan Umno Tua" yang dipasang di beberapa lokasi di sini, dipercayai perbuatan PAS.

Kain rentang itu dipasang ekoran pengumuman rombakan kepimpinan Badan Perhubungan Umno Kelantan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengakhiri lawatan dua harinya ke Kelantan pada Khamis lepas, sebagai strategi merampas kembali Kelantan daripada PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir melantik Ketua Umno Bahagian Kota Baharu Zaid Ibrahim sebagai timbalan pengerusi badan perhubungan itu menggantikan Datuk Annuar Musa (Ketua Umno Bahagian Peringat) dan mengekalkan Mustapa sebagai pengerusinya.

Pelantikan lain ialah timbalan ketua bahagian Umno Bachok yang Pengerusi Tenaga Nasional Datuk Dr Awang Adek Hussin (Bendahari); timbalan ketua bahagian Tumpat Nawawi Jusoh (Setiausaha) dan timbalan ketua bahagian Peringat Che Alwi Che Ahmad (Ketua Penerangan).

Mustapa, yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), berkata "PAS sentiasa suka 'menangguk di air keruh' kerana itulah kerja mereka selama ini, bagaimanapun Umno Kelantan tidak gentar dengan tindakan mereka."

"Oleh sebab itu mereka (PAS) akan berusaha mencari pelbagai helah untuk menimbulkan keraguan kepada kebangkitan Umno," katanya.

Beliau berkata dalam Umno Kelantan tidak ada pemimpin baru atau lama sebagaimana yang digambarkan oleh PAS.

"Perubahan memang berlaku tetapi kita tidak mengetepikan sesiapa, kita nak kerjasama semuanya, sesiapa yang boleh buat kerja..terus buat kerja," katanya.

Beliau berkata semua bahagian Umno di negeri ini berfungsi dan ketua-ketua bahagian terus menjalankan tugas manakala badan perhubungan Umno negeri hanya sebagai tempat untuk menyelaraskan aktiviti parti.

Mengenai tawaran Kementerian Pendidikan supaya pelajar sekolah agama rakyat (SAR) memasuki sekolah kebangsaan, Mustapa berkata PAS menggunakan isu itu untuk mengelirukan rakyat dengan menabur fitnah kononnya kerajaan Barisan Nasional (BN) cuba menyekat perkembangan Islam.

Beliau mendapat laporan ada penceramah kuliah subuh di sebuah masjid di sini menyebut dalam kuliahnya "lepas ini kita pula tak boleh berdakwah di masjid".

"Apa yang dilakukan oleh PAS itu adalah untuk kepentingan politik mereka kerana terdapat pemimpin PAS yang menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan malah melanjutkan pelajaran ke England tetapi penduduk kampung disuruh menghantar anak ke SAR yang serba daif," katanya.

Sementara itu di TUMPAT, Nawawi berkata Umno Kelantan akan merangka satu pelan tindakan yang lebih tersusun untuk menumpaskan PAS pada pilihan raya umum kelak.

Beliau berkata pelan tindakan itu akan dilaksanakan di semua peringkat secara berterusan sehingga pilihan raya termasuk memberikan penjelasan mengenai isu-isu semasa seperti SAR.

Beliau berkata sokongan rakyat terhadap PAS semakin merosot berikutan banyak projek kerajaan pusat seperti program membasmi kemiskinan memberi kesedaran kepada mereka untuk menyokong kerajaan BN.

-- BERNAMA

WM BD NAK